



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MEKANISME PENYELESAIAN PERTIKAIAN WILAYAH ANTARA
MALAYSIA DENGAN NEGARA JIRAN: KAJIAN KES SEMPADAN LAUT
SULAWESI DAN LIMBANG**

NADIRAH BINTI MOHD AZMI

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SAINS SOSIAL**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROGRAM ANALISIS STRATEGI DAN KESELAMATAN
PUSAT PENGAJIAN SEJARAH, POLITIK DAN STRATEGI
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 7/12/2011



NADIRAH BINTI MOHD AZMI
P54424





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin serta keredhaan-Nya dapat juga saya menyiapkan tesis ini yang merupakan satu permulaan baru dalam hidup saya.

Setinggi-tinggi penghargaan yang pertama kali saya tujukan buat penyelia saya iaitu Prof Madya Dr Nor Azizan Idris yang bertindak menyelia tesis ini sehingga ia dapat disiapkan dengan sempurna. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada para pensyarah program Analisis Strategik dan Keselamatan yang lain kerana sentiasa bersedia memberi tunjuk ajar serta memberi pendapat kepada saya bermula daripada proses pemilihan tajuk sehinggalah tesis ini disiapkan. Dorongan serta tunjuk ajar kalian semua tidak akan saya balas dan lupakan.

Buat keluarga terutamanya nenek, Hajah Zaleha Ahmad, mama, Yusmar Mohamad serta adik-beradik, terima kasih kerana memahami kekangan masa yang saya alami dan terima kasih atas semangat dan doa kalian. Buat rakan-rakan sekelas, terima kasih kerana berada di sisi saya di saat saya perlukan. Segala pahit manis bersama kalian akan terpahat dalam lubuk ingatan saya.

Akhir sekali, saya tujukan penghargaan buat semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses penyediaan tesis ini sama ada dalam bentuk material mahu pun pendapat atau idea terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan yang sudi ditembual. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan.

Sekian, terima kasih.

Nadirah Mohd Azmi,
Program Analisis Strategi dan Keselamatan,
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi,
UKM Bangi.





ABSTRAK

Sebagai sebuah negara membangun yang terletak strategik di rantau Asia Tenggara, Malaysia berdepan dengan ancaman pertikaian wilayah dan maritim daripada negara-negara jirannya terutama sekali selepas Pengisytiharan Peta Baru tahun 1979. Berdasarkan isu pertikaian ini, persoalan kajian yang di bincangkan adalah untuk melihat kepentingan mekanisme rundingan secara bilateral berbanding mekanisme lain dalam menyelesaikan pertikaian wilayah melalui dua kajian kes yang dipilih iaitu kes sempadan Laut Sulawesi dan Limbang. Terdapat tiga objektif utama kajian ini. Pertama menganalisa sorotan isu-isu pertikaian wilayah yang pernah dihadapi Malaysia serta mekanisme yang dipilih. Kedua, mengkaji mekanisme yang dipilih serta faktor yang mengekang konflik tersebut melalui kajian kes pertikaian di Laut Sulawesi dan di Limbang dan ketiga mengkaji sejauhmana mekanisme rundingan secara bilateral berkesan untuk digunakan dalam kajian kes sempadan Laut Sulawesi dan Limbang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi pengumpulan data dan maklumat serta mengaplikasikan teori liberalisme serta konsep-konsep seperti kebergantungan, kerjasama serta konflik dan pengurusan konflik sebagai panduan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa Malaysia memilih untuk menggunakan pendekatan rundingan bilateral berbanding mekanisme secara multilateral bagi mempertahankan kepentingannya dari sudut wilayah yang dituntut tersebut dan pada masa yang sama bertindak untuk menjaga hubungan baik dengan negara jiran akibat kebergantungan yang wujud. Malaysia mengelak daripada menggunakan mekanisme multilateral atau campur tangan pihak ketiga dalam menyelesaikan pertikaian kerana wujud kelemahan mekanisme tersebut yang antaranya adalah penglibatan pelbagai pihak dalam isu pertikaian wilayah antara dua negara hanya akan merumitkan penyelesaian yang bakal diperolehi. Mekanisme ini juga dipilih disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhi hubungan Malaysia dengan negara jiran seperti faktor keselamatan, ekonomi serta sosial. Pengaruh faktor-faktor ini dilihat mempengaruhi pertimbangan Malaysia dalam membuat keputusan.





ABSTRACT

As a developing country strategically located in Southeast Asia, Malaysia is faced with the threat of territorial and maritime disputes from neighboring countries, especially after the declaration of New Map in 1979. According to this dispute, research was about to see the importance of bilateral negotiation mechanism than other mechanisms in solving the two case studies of territorial disputes based on selected cases of the Celebes Sea and Limbang border. There are three main objectives of this study. First, analyzed territorial dispute highlights which Malaysia had been involve as well as the chosen mechanism. Second, study selected mechanisms and the factors that constraint the conflict through a case study in the Sulawesi Sea dispute and in Limbang border and third to analyze the extent of effective bilateral negotiation mechanisms to be used in the case study of the Celebes Sea and Limbang border. Qualitative method had been used in data collection and applies theory of liberalism, the concepts of reliance, cooperation and conflict and conflict management as the research guider. The results showed that Malaysia has chosen to use the approach of bilateral negotiations than multilateral mechanism for the defense of its interests in terms of the claimed territory as well as to maintain the good relationship with the neighboring countries due to the exits of dependencies. Malaysia avoided the use of multilateral mechanisms or third-party intervention in resolved the dispute because of the weakness on the mechanisms which include the involvement of various parties on the issue of territorial disputes between the two countries will be only complicate the solution to be obtained. This mechanism was also selected because of various factors affecting Malaysia's relations with neighboring countries such as safety factors, economic and social. The influences of these factors affect Malaysia consideration in the decision making.



SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI ILUSTRASI	ix
SENARAI SINGKATAN	x

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Persoalan Kajian	6
1.3	Andaian Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Kerangka Teori dan Konsep	8
	1.5.1 Liberalisme	8
	1.5.2 Liberalisme dan Kebergantungan	13
	1.5.3 Konsep Kerjasama	15
1.6	Sorotan Kajian Lepas	17
1.7	Metodologi Kajian	21
1.8	Skop Kajian	22
1.9	Signifikan Kajian	22
2.0	Limitasi Kajian	23

2.1	Pembahagian Bab	23
-----	-----------------	----

BAB 2 PERTIKAIAN WILAYAH ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA JIRAN

2.1	Pengenalan	25
2.2	Pertikaian Wilayah di Asia Tenggara	26
2.3	Pertikaian Wilayah dan Maritim di Malaysia	28
	2.3.1 Pulau Sipadan dan Ligitan	28
	2.3.2 Pulau Batu Puteh	31
	2.3.3 Kepulauan Spratly	33
	2.3.4 Teluk Thailand	36
2.4	Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Wilayah	38
	2.4.1 Rundingan Bilateral	39
	2.4.2 Rundingan Multilateral	44
	2.4.3 Campur Tangan Pihak Ketiga	46
2.5	Rumusan	49

BAB III PERTIKAIAN WILAYAH MALAYSIA DENGAN NEGARA JIRAN: KAJIAN KES SEMPADAN LAUT SULAWESI

3.1	Pengenalan	51
3.2	Latar Belakang Konflik	52
3.3	Kemuncak Pertikaian	53
3.4	Asas-asas Tuntutan	58
3.5	Mekanisme Penyelesaian	62
3.6	Faktor-faktor yang Mengekang Konflik Pertikaian Sempadan Laut Sulawesi	70
3.7	Rumusan	77

BAB IV PERTIKAIAN WILAYAH MALAYSIA DENGAN NEGARA JIRAN: KAJIAN KES LIMBANG

4.1	Pengenalan	79
4.2	Latar Belakang Konflik	80
4.3	Isu Limbang Selepas Kemerdekaan Malaysia	83
4.4	Asas-asas Tuntutan	86
4.5	Mekanisme Penyelesaian	89
4.6	Faktor-faktor yang Mengekang Konflik Pertikaian Limbang	97
4.7	Rumusan	102

BAB V KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	107
4.2	Rumusan dan Dapatan Kajian	108
4.3	Penutup	111

RUJUKAN	109
---------	-----

**SENARAI ILUSTRASI**

No. Ilustrasi	Halaman
2.1 Peta Semenanjung Malaysia	27
2.2 Peta Malaysia Barat	28
2.3 Kawasan Pertindihan Wilayah di Laut Sulawesi	30
2.4 Gambar Pulau Batu Puteh dan Rumah Api, Horsburgh	32
2.5 Peta Kawasan Berpotensi Marin di Kepulauan Spratly	35
2.6 Peta Menunjukkan Kawasan Pembangunan Bersama Antara Malaysia-Thailand	44
3.1 Lokasi Pertikaian Wilayah antara Malaysia dan Indonesia	53
3.2 Protes yang Dilakukan oleh Rakyat Indonesia dengan Membakar Jalur Gemilang	54
4.1 Peta Menunjukkan Kawasan Limbang	85
4.2 Lokasi Medan Minyak di Blok L dan M	94





SENARAI SINGKATAN

AHC	<i>ASEAN High Council</i>
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
BT	Batuan Tengah
CIA	<i>Central Intelligence Agency</i>
CSB	<i>Continental Shelf Boundaries</i>
EC	<i>European Court</i>
DPR	Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia
FPDA	<i>Five Power Defence Arrangement</i>
GAM	Gerakan Aceh Merdeka
GBC	<i>General Border Committee</i>
ICJ	<i>United Nations International Court of Justice</i>
ISIS	<i>Institute of Strategic and International Studies</i>
JBC	<i>Joint Border Committee</i>
JDA	<i>Joint Development Area</i>
JTIC	<i>Malaysia-Indonesia Joint Trade and Investment Committee</i>
MIMA	<i>Maritime Institute of Malaysia</i>
MNC	<i>Multi National Corporation</i>
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
MTJA	<i>Malaysia-Thailand Joint Authority</i>
NBD	Nota Bantahan Diplomatik
NGO	<i>Non Governmental Organization</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBP	Pulau Batu Puteh
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PPBN	Pergerakan Pemuda Barisan Nasional
PRB	Partai Rakyat Brunei
SARS	<i>Severe Acute Respiratory Syndrome</i>
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

TAC	<i>Treaty of Amity and Cooperation</i>
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TS	Tubir Selatan
UNCLOS	<i>United Nations Law of the Sea Conference</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
WTO	<i>World Trade Organization</i>
ZEE	Zon Ekonomi Eksklusif



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG

Sebagai sebuah negara yang terletak strategik serta bersempadan dengan banyak negara di rantau Asia Tenggara, Malaysia sering kali dicabar dengan isu pertikaian wilayah. Pada ketika kajian ini ditulis, dua isu pertikaian wilayah yang sering diperkatakan adalah isu persempadanan Laut Sulawesi serta Limbang. Isu sempadan Laut Sulawesi menyaksikan Malaysia sekali lagi berdepan dengan tuntutan negara jiran iaitu Indonesia selepas isu perebutan Pulau Sipadan dan Ligitan yang menyaksikan Malaysia memperoleh kedua-dua buah pulau tersebut melalui keputusan yang dicapai ICJ pada tahun 2002. Pertikaian wilayah yang baru dibangkitkan sekitar tahun 2005 mengakibatkan hubungan kedua-dua buah negara ini kembali tegang terutama sekali pada Indonesia yang masih lagi diselubungi dengan rasa tidak percaya di atas kehilangan pulau-pulau mereka itu kepada Malaysia. Keadaan ini menyaksikan Indonesia mula menolak penggunaan mekanisme ICJ dalam menyelesaikan pertikaian dengan Malaysia dengan menyatakan bahawa pertikaian ini harus diselesaikan secara bilateral. Malaysia juga pada ketika ini bersetuju untuk menggunakan pendekatan rundingan secara bilateral kerana pilihan mekanisme yang lain tidak sesuai untuk diaplikasikan ke atas hubungan antara dua buah negara jiran ini.





Bagi pertikaian di Limbang yang melibatkan Malaysia dengan Brunei pula menyaksikan isu ini lebih banyak dipengaruhi oleh faktor sejarah. Isu ini yang bermula sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan kembali dibangkitkan secara rasmi selepas Brunei mencapai kemerdekaan daripada British pada tahun 1994 namun hanya dibawa ke meja rundingan secara rasmi lebih kurang 10 tahun selepas itu. Isu ini tidak banyak diselubungi dengan ketegangan hubungan akibat hubungan erat yang terjalin lama dalam pelbagai bidang serta di pelbagai peringkat rakyat mengakibatkan hanya mekanisme rundingan secara bilateral sahaja digunakan sepanjang rundingan diadakan sedangkan sepanjang tempoh pertikaian masih banyak mekanisme lain yang boleh digunakan.

Selain daripada dua pertikaian wilayah ini, Malaysia yang juga merupakan sebuah negara ASEAN turut berdepan dengan pelbagai lagi isu pertikaian wilayah terutama sekali sejak pengisytiharan secara unilateral Peta Baru Malaysia 1979. lagi pada. Antara pertelingkahan utama yang dialami oleh Malaysia adalah seperti isu perebutan Sipadan-Ligitan, Pulau Batu Putih serta isu tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah. Malaysia memiliki dua buah kawasan tanah besar dengan keluasan kira-kira 330, 252 km; kawasan Barat Malaysia atau Semenanjung Malaysia, Malaysia Timur atau Kepulauan Borneo yang terletak strategik. Kedua-dua buah kawasan ini dipisahkan oleh Laut China Selatan dengan jarak dianggarkan kira-kira 920 batu nautika atau 1,711 km. Dengan jarak pantai kira-kira 4,675 km (bagi Malaysia Barat manakala 2,607 km bagi wilayah Malaysia Timur), keadaan geografi fizikal Malaysia telah mewujudkan keadaan sama yang dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara yang mempunyai garisan pantai iaitu masalah isu pertindihan wilayah. Bersempadan pula dengan negara seperti Thailand, Indonesia, Singapura dan Brunei, Malaysia telah terlibat dengan isu pertelingkahan wilayah serta tuntutan bertindih dengan kebanyakan negara jiran mereka (Asri et. al, 2009: 107).

Kawasan pertelingkahan dan perebutan Malaysia meliputi dari Teluk Thailand, Laut Andaman, Selat Melaka, Selat Singapura, Laut China Selatan, Laut Sulu serta Laut Sulawesi (Celebes Sea). Untuk itu, Malaysia telah menerima pakai beberapa mekanisme



dalam menyelesaikan isu ini. Antaranya adalah melalui perjanjian bilateral dengan Indonesia ke atas '*continental shelf boundaries*' atau CSB pada 27 Oktober 1969. Ia diikuti pula dengan perjanjian tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand yang menetapkan had CSB di kawasan utara Selat Melaka pada 21 Disember 1972. Satu lagi perjanjian antara ketiga-tiga negara ini adalah perjanjian ke atas zon pembangunan bersama sumber di kawasan Teluk Thailand pada tahun 1978. Malaysia juga turut menandatangani perjanjian penetapan persempadanan maritim dengan Singapura bagi kawasan Selat Johor pada 7 Ogos 1995. Malaysia juga telah membuat keputusan untuk menyelesaikan isu pertikaian wilayah ini dengan negara Indonesia (1998) dan Singapura (2003) melalui mekanisme *International Court of Justice* (ICJ). Isu pertelingkahan wilayah yang lain seperti perebutan kawasan Limbang dengan negara Brunei disamping kawasan Kepulauan Spratlys masih tidak nampak jalan penyelesaian. Walaubagaimanapun Malaysia menganggap isu perebutan negeri Sabah serta beberapa kepulauan lain seperti Pulau Layang-layang telah diselesaikan (Asri et. al, 2009: 107).

Jika disorot kembali kepada permulaan pertikaian wilayah melibatkan Malaysia ini, ia semakin meningkat semenjak Malaysia mengeluarkan peta bagi menunjukkan wilayah Malaysia secara rasminya pada tahun 1979 yang turut dikenali sebagai Peta Baru disamping dengan rasminya mengisytiharkan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) pada tahun berikutnya. Pada ketika terbitnya peta ini ia telah mendapat bantahan daripada lapan buah negara jiran Malaysia yang jelas menentang penetapan baru kawasan milik Malaysia. Negara-negara yang menentang adalah Indonesia, Singapura, Brunei, Filipina, Vietnam, China serta Taiwan. Dalam menyelesaikan pertikaian ini dapat dilihat bahawa Malaysia menggunakan pelbagai mekanisme yang berbeza dalam mengawal dan menyelesaikan pertikaian-pertikaian ini. Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara anggota ASEAN serta kebanyakan pertikaian yang melibatkan Malaysia turut membabitkan negara anggota ASEAN yang lain namun dalam menyelesaikan pertelingkahan tersebut negara-negara ASEAN terbabit jelas menghormati prinsip yang diutarakan dalam ASEAN seperti prinsip *Treaty of Amity Cooperation* (TAC). ASEAN merupakan sebuah pertubuhan yang mengamalkan norma tidak campur tangan dalam



urusan negara lain disamping menekankan prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan setiap negara anggota merupakan asas ke atas kejayaan ASEAN dalam mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan rantau Asia Tenggara. Norma-norma ini terkandung dalam TAC-ASEAN yang dibentuk pada tahun 1976.

Selain daripada penekanan ke atas prinsip kedaulatan dan tidak campur tangan, artikel kedua TAC juga memberi penekanan kepada negara anggota untuk menyelesaikan pertelingkahan antara mereka secara aman disamping menentang penggunaan kekerasan dalam menyelesaikan pertelingkahan. Walaupun terdapat pandangan yang menyatakan bahawa ASEAN merupakan komuniti yang dibentuk berasaskan peraturan dan bukannya komuniti yang berasaskan identiti kolektif namun TAC masih lagi dianggap sebagai tonggak utama ASEAN selain sebagai sumber kepada pelbagai bentuk norma dan prinsip yang banyak membentuk tingkah laku ASEAN sejak penubuhannya. Keadaan ini yang mengakibatkan sifat semulajadi sesuatu konflik itu tidak bertukar menjadi konflik ketenteraan (Prabhakar, 2007: 42). Begitu juga dengan pendekatan *ASEAN Way* dalam membentuk interaksi dalam rantau yang berdasarkan dialog yang tidak bersifat konfrantasi dan bersifat pembentukan kesepakatan sebagai antara punca kejayaan rantau ini dapat mengekalkan keamanan, kestabilan dan aturan walaupun wujud pengecualian dalam kes insiden Mischief Reef antara Filipina dengan China berkaitan dengan perebutan Kepulauan Spratly.

Walaubagaimanapun disamping kewujudan pengaruh *ASEAN Way* dalam mengekang tindakan keganasan negara anggotanya dalam menyelesaikan isu namun tidak semua isu yang melibatkan negara anggotanya ditangani dengan menggunakan pendekatan tersebut. Hal ini kerana salah satu kelemahan yang wujud dalam TAC melalui prinsip tidak campur tangan dalam isu yang melibatkan negara ASEAN yang lain maka negara anggotanya bertindak secara unilateral atau bilateral dalam menyelesaikan sesuatu isu. Malaysia juga tidak terkecuali. Dalam menangani isu pertikaian wilayah Malaysia tidak bergantung kepada ASEAN mahu pun organisasi antarabangsa. Kebanyakan isu ini selalunya melibatkan rundingan secara bilateral dan hanya menggunakan pendekatan multilateral





(campur tangan ICJ) apabila tidak mencapai kesepakatan. Untuk itu, adalah penting untuk memahami dasar luar Malaysia melalui pemilihan mekanisme yang dipilih.

Isu pertikaian wilayah ini bukan isu yang bersifat serantau sahaja kerana sehingga tahun 2011, statistik yang dikeluarkan oleh *Central Intelligence Agency* (CIA) melaporkan bahawa hampir 2/3 daripada negara-negara yang telah mencapai kemerdekaan masih terlibat dengan isu pertikaian wilayah (Anon, 2011). Berdasarkan statistik ini, dapat dilihat bahawa isu pertikaian ini juga merupakan isu sejagat yang harus diberi perhatian kerana kesan-kesan buruk yang terbit daripada pertikaian ini. Hal ini kerana berdasarkan sejarah lampau, pertikaian wilayah merupakan punca utama kepada peperangan dan terorisme kerana negara yang terlibat berusaha untuk mempertahankan kedaulatan kawasan yang dituntut tersebut melalui pencerobohan manakala aktor bukan negara pula berusaha untuk mempengaruhi tindakan ahli politik atau ketua kerajaan melalui terorisme. Walaupun undang-undang antarabangsa seperti Piagam Pertubuhan Bangsa –bangsa Bersatu (PBB) tidak menyokong penggunaan kekerasan sesebuah negara ke atas negara lain namun bagi negara yang terlibat apabila sesuatu isu itu melibatkan isu kedaulatan wilayah sesebuah negara maka negara tersebut akan berusaha untuk mempertahankan kepentingan negara masing-masing dengan apa cara sekalipun.

Benua Asia juga merupakan benua yang tidak terlepas dalam menghadapi isu pertikaian wilayah ini. Antara isu perebutan wilayah yang paling lama dan sentiasa tegang adalah isu perebutan wilayah Kashmir antara India dan Pakistan yang telah berlanjutan lebih kurang enam dekad. Selain itu, pertikaian antara Palestin dan Israel juga merupakan antara contoh perebutan wilayah yang telah merebak menjadi konflik. Di rantau-rantau seperti di Timur Tengah, antara pertikaian wilayah yang masih tercetus di sana adalah antara negara Bahrain dan Qatar ke atas Kepulauan Hawar serta pertikaian persempadanan maritim, tentangan Arab Saudi ke atas pemilikan Kepulauan Qaruh dan Umm al Maradim oleh Kuwait serta tuntutan Emiriah Arab Bersatu dan Iran ke atas Teluk Parsi. Negara Iran-Iraq walaupun selepas perang lapan tahun masih lagi berdepan dengan pertikaian terhadap isu sempadan pemisah, kebebasan pelayaran serta kedaulatan





ke atas terusan Shatt al Arab. Selain itu, Iraq juga turut mempertikaikan isu pelan pembangunan air oleh Turki di Sungai Tigris dan Euprates.

Begitu juga dengan rantau Asia Tenggara yang tidak terlepas dengan isu pertikaian wilayah ini. Kebanyakan pertikaian di Asia Tenggara adalah berpunca daripada isu garis sempadan yang tidak diselesaikan serta perebutan penguasaan sumber-sumber yang ada di sesebuah wilayah. Terdapat lima pertikaian di Asia Tenggara yang berpunca daripada garis sempadan serta perebutan sumber. Pertama adalah pertikaian '*Pattani Trough and Gulf of Thailand*' yang melibatkan Thailand dan Kemboja ke atas sumber minyak di kawasan pesisir serta gas asli. Kedua, kawasan Teluk Thailand yang melibatkan pertikaian sempadan laut, pelantar benua serta zon ekonomi eksklusif antara Kemboja, Vietnam, Malaysia dan Thailand terhadap sumber minyak, gas asli serta sumber perikanan. Terdapat juga isu pertikaian ke atas kawasan persempadanan maritim Laut Sulawesi yang melibatkan Malaysia dan Indonesia serta yang kedua adalah melibatkan pelbagai negara di Asia Tenggara isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan iaitu di Kepulauan Spratly dan Kepulauan Paracel (Prabhakar, 2007: 42).

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia seperti juga negara-negara lain tidak terlepas dengan isu perebutan wilayah dengan negara lain terutama sekali setelah mendapat pengiktirafan kedaulatan daripada negara lain. Antara perebutan wilayah tersebut adalah Sipadan-Ligitan, Batu Puteh, Limbang, sempadan Laut Sulawesi serta Kepulauan Spratly. Setakat ini Malaysia telah menyelesaikan dua daripadanya iaitu perebutan Sipadan-Ligitan serta Pulau Batu Puteh melalui mekanisme campur tangan pihak ketiga iaitu ICJ selain turut mengadakan Zon Pembangunan Bersama yang hanya bertindak sebagai penyelesaian sementara dalam menyelesaikan pertikaian namun pertikaian yang lain masih tidak dapat diselesaikan. Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia merupakan antara negara yang aktif dalam pelbagai organisasi serantau dan antarabangsa. Penyertaan Malaysia ini tidak menghadkan pilihan mekanisme yang digunakan pelbagai peraturan



mahu pun perjanjian bagi mengekalkan keamanan sejagat. Untuk ini, kajian ini bertujuan untuk memahami mengapakah mekanisme rundingan secara bilateral ini yang dipilih oleh Malaysia berbanding mekanisme lain dalam menyelesaikan pertikaian wilayah sempadan Laut Sulawesi dan Limbang disamping untuk melihat apakah faktor-faktor yang mengekang konflik pertikaian wilayah antara Malaysia dengan negara jiran ini?

1.3 ANDAIAN KAJIAN

Kajian ini mengandaikan bahawa dalam sistem antarabangsa yang berada dalam keadaan berubah-ubah, dalam menyelesaikan isu pertikaian wilayah yang dihadapi oleh Malaysia, Malaysia memilih untuk menggunakan pendekatan rundingan bilateral berbanding mekanisme rundingan secara multilateral bagi mempertahankan kepentingannya dari sudut wilayah yang dituntut tersebut dan pada masa yang sama bertindak untuk menjaga hubungan baik dengan negara jiran akibat pelbagai kebergantungan yang wujud antara Malaysia dengan negara jiran

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian seperti berikut:

Pertama: Menganalisa sorotan isu-isu pertikaian wilayah yang pernah dihadapi Malaysia serta mekanisme yang dipilih.

Kedua: Mengkaji mekanisme yang dipilih serta faktor yang mengekang konflik tersebut melalui kajian kes pertikaian di Laut Sulawesi dan di Limbang.

Ketiga: Mengkaji sejauhmana mekanisme rundingan secara bilateral berkesan untuk digunakan dalam kajian kes sempadan Laut Sulawesi dan Limbang.

1.5 KERANGKA TEORI DAN KONSEP

Dalam sistem antarabangsa sekarang yang bersifat anarki, penggunaan teori dalam menganalisis sesebuah fenomena adalah penting dalam memahami dengan lebih mendalam tindakan aktor-aktor yang menggerakkan sesebuah sistem. Walaupun dalam dunia anarki ini yang menyaksikan teori realisme mendominasi sistem antarabangsa namun teori liberalisme yang merupakan teori yang paling kuat mencabar pendekatan realisme tidak harus dilupakan. Hal ini kerana sejak kebangkitan semula teori ini selepas kegagalan para sarjana realis untuk meramalkan pengakhiran Perang Dingin teori ini telah semakin mendominasi sistem antarabangsa dalam meramalkan kemunculan peranan aktor bukan negara yang semakin meluas sekaligus mewujudkan ketergantungan yang tinggi antara negara.

1.5.1 LIBERALISME

Tercetusnya dua Perang Dunia serta kegagalan rejim keselamatan kolektif untuk mengelakkan perang mengakibatkan pengurangan pengaruh teori liberalisme dalam sistem antarabangsa. Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, kebanyakan tulisan mengenai politik antarabangsa di AS banyak dipengaruhi teori realis. Walaubagaimanapun, sejak peningkatan ketergantungan ekonomi transnasional pada akhir tahun 1960-an dan 1970-an, teori liberalisme mula memberi saingan kepada dominasi teori realisme.

Empat andaian utama yang mendasari teori liberalisme adalah pertama selain aktor negara, aktor bukan negara juga merupakan pelaku yang penting. Kedua, negara bukan aktor yang bersifat bersatu (*unitary actor*). Ia turut meliputi pelbagai aktor lain seperti organisasi antarabangsa, kumpulan hak asasi manusia serta aktivis alam sekitar. Ketiga, golongan liberal melihat bidang ekonomi serta pelbagai bentuk ketergantungan (*interdependence*) serta keterkaitan (*interconnectedness*) antara aktor negara serta aktor bukan negara akan memberi kesan ke atas tingkah laku sesebuah negara dan negara



bukan selalu akan mencapai keputusan yang rasional. Keempat, bagi liberal, isu utama dalam sistem antarabangsa bukan sahaja melibatkan isu keselamatan semata-mata tetapi ia turut meliputi isu-isu lain seperti isu ekonomi, sosial, modernisasi serta ekologi (Viotti dan Kauppi, 2010: 118-120). Justeru itu, dapat dirangkumkan bahawa teori liberalisme terdiri daripada tiga elemen utama; ekonomi, sosial serta politik. (Nye, 2009: 46).

Elemen ekonomi memberi fokus utama terhadap perdagangan. Liberal menghujahkan bahawa perdagangan amat penting bukan kerana ia menghalang negara daripada berperang tetapi ia sebenarnya membantu negara untuk menentukan kepentingan mereka bagi menunjukkan bahawa peperangan adalah perkara yang tidak penting kepada sesebuah negara. Dalam kes hubungan Malaysia dengan negara-negara jirannya, jelas terbukti bahawa negara seperti Indonesia serta Brunei mempunyai hubungan perdagangan yang rapat dengan Malaysia. Justeru itu, peperangan merupakan jalan terakhir yang akan dipertimbangkan bagi menyelesaikan sebarang pertikaian antara negara jiran untuk menjaga hubungan perdangan yang erat antara negara. Ia sekaligus menguatkan hujah liberal ekonomi bahawa perdagangan tidak akan dapat mencegah peperangan daripada tercetus namun ia dapat memberi perspektif baru kepada negara bagi menilai peluang-peluang lain dalam menyelesaikan pertikaian (Ibid).

Elemen kedua iaitu sosial menghujahkan bahawa hubungan antara manusia dapat mengurangkan risiko tercetusnya konflik. Menurut Nye (2009: 46), jalinan hubungan transnasional terjadi di pelbagai peringkat termasuk melalui hubungan antara pelajar-pelajar, ahli-ahli perniagaan serta para pelancong. Jalinan hubungan ini akan dapat mengurangkan perasaan keterasingan serta perasaan benci. Keadaan ini sekaligus akan mengurangkan risiko tercetusnya konflik antara negara. Situasi bahasa dan budaya yang hampir sama di antara ketiga-tiga anggota ASEAN ini telah merapatkan lagi jurang lain yang sedia ada. Jalinan hubungan antara rakyat dengan rakyat serta pelbagai lagi tahap hubungan akan dapat mengurangkan rasa tidak percaya antara Malaysia dengan negara jiran. Ia akhirnya akan dapat membantu Malaysia dalam menyediakan pilihan yang paling tepat dalam menyelesaikan pertikaian.





Elemen yang terakhir adalah politik yang terbahagi kepada dua bahagian; institusi serta demokrasi. Elemen liberalisme ini menekankan kepada pentingnya peranan institusi. Hal ini kerana menurut Keohane (Nye, 2009: 47), institusi merupakan tempat yang menyediakan informasi serta kerangka bagi memenuhi sebarang jangkaan. Selain itu, ia juga merupakan aktor yang dapat menguatkan keyakinan orang awam bahawa konflik tidak akan tercetus. Bagi liberalisme juga mereka tidak sepenuhnya menolak peranan negara sebagai aktor negara utama namun turut melihat peranan institusi antarabangsa dalam mempengaruhi keputusan yang dibuat negara. Contohnya kakitangan sesebuah institusi antarabangsa boleh memainkan peranan penting dalam menjalankan, memantau serta menjadi perantara terhadap pertikaian yang dibangkitkan oleh sesebuah negara seperti yang dilaksanakan oleh ICJ (Viotti dan Kauppi, 2010: 119).

Liberalisme melalui Teori Demokratik Keamanan mengandaikan bahawa negara sesebuah negara demokrasi tidak akan terlibat dengan konflik dengan negara demokrasi yang lain. Menurut Immanuel Kant, beliau melihat wujudnya perdamaian di kalangan negara liberal dalam hubungan antarabangsa. Hujah ini diperkuatkan lagi dengan pandangan bahawa sesebuah negara demokrasi yang kaya akan hanya mengaut kerugian jika mereka terlibat dengan sebarang konflik (Dunne, 2008: 109). Menurut Doyle (1983) beliau berpendapat wujud perbezaan dari segi amalan hubungan sesebuah negara liberal terhadap negara liberal yang lain. Di kalangan negara liberal, liberalisme telah menghasilkan asas kerjasama yang mampu mengelakkan peperangan (Navari, 2008: 36).

Neoliberalisme yang merupakan versi terbaru para sarjana terhadap teori liberalisme turut menyetujui andaian yang diutarakan oleh para sarjana neorealisme iaitu sistem antarabangsa sekarang adalah bersifat anarki¹ serta negara merupakan aktor rasional yang ego. Matlamat utama para sarjana neoliberal ini yang dipelopori oleh karya Robert Keohane serta Robert Axelrod adalah untuk melihat kemungkinan sikap rasional ego sesebuah negara bekerjasama dalam sebuah sistem yang bersifat anarki. Walaupun para

¹ Ketidadaan sebuah kuasa global yang tinggi daripada sebuah negara dalam menguatkuasakan undang-undang (Dunne, 2008: 187)





sarjana ini mengakui bahawa amalan bekerjasama antara negara merupakan amalan yang rapuh namun dengan wujudnya rejim antarabangsa yang mampu melaksanakan pertukaran informasi serta kehadiran komitmen antara negara, kemungkinan tahap bekerjasama antara negara dapat dipertingkatkan. Peningkatan tahap kerjasama antara negara akan dapat mengurangkan risiko konflik (Brown, 2001: 49).

Andaian-andaian yang dikemukakan oleh golongan liberalisme ini sentiasa dicabar oleh andaian-andaian yang diutarakan para sarjana realisme. Bagi golongan realis wujud empat andaian utama dalam menjelaskan mengenai hubungan antarabangsa. Pertama adalah negara merupakan aktor utama. Negara mewakili unit analisis utama dalam sistem antarabangsa manakala aktor bukan negara hanya bertindak berdasarkan arahan sesebuah negara. Kedua, negara dilihat sebagai unit yang bersatu (*unitary*) dimana kerajaan yang dibentuk mewakili kepentingan seluruh negara kerana dianggap sebagai satu unit. Ketiga negara adalah aktor yang rasional dan segala tindakan yang diambil oleh negara bertujuan untuk memaksimumkan kepentingan negara. Keempat, isu keselamatan negara serta antarabangsa merupakan isu utama dalam sesebuah negara. Justeru itu, isu yang melibatkan ketenteraan serta yang mempunyai kaitan dengan politik merupakan isu yang mendominasi dunia politik (Viotti dan Kauppi, 2010: 42-43).

Neorealisme seperti juga neoliberalisme bersetuju dengan andaian bahawa sistem antarabangsa adalah berbentuk anarki. Ketiadaan kuasa tertinggi bagi mengatasi kekuasaan sesebuah negara menyebabkan Waltz (1979)² mengandaikan bahawa negara bukan bersifat agresif bagi mendapat kuasa namun matlamat negara sebenarnya bersikap agresif bagi meneruskan kelangsungan hidup atau dalam erti kata lain keadaan anarki ini memaksa negara untuk bersaing sesama sendiri bagi mendapatkan kuasa yang merupakan perkara penting untuk kelangsungan sesebuah negara (Mearsheimer, 2001: 19). Neorealisme juga tidak menolak kerjasama antarabangsa untuk dilaksanakan namun berpendapat kerjasama dalam sistem anarki amat sukar dilaksanakan kerana wujudnya

² Dipetik daripada John Mearsheimer (2001), *The Tragedy of great power politics*.





'*free rider states*'- yang mengaut keuntungan melalui kerjasama yang diadakan tanpa menyumbang apa-apa (Brown, 2001: 49).

Selain itu, menurut Grieco (1998) yang memperkenalkan konsep keuntungan mutlak (*absolute gains*) dan keuntungan relatif (*relative gains*) dalam konteks kerjasama antarabangsa, negara hanya berminat untuk meningkatkan kuasa dan pengaruh dan dengan demikian akan bekerjasama untuk meningkatkan kemampuannya dalam konteks keuntungan mutlak. Dalam konteks keuntungan relatif, negara memberikan perhatian kepada berapa banyak kuasa dan pengaruh negara lain yang boleh dicapai dalam sesuatu kerjasama antarabangsa. Untuk itu kerjasama yang dijalankan akan sukar dilaksanakan (Ibid, 2001: 50).

Walaubagaimanapun dalam kajian ini, teori liberalisme (termasuk neo-liberalisme) dilihat lebih bersesuaian dalam menjelaskan isu pertikaian wilayah yang dialami oleh Malaysia dengan negara jirannya iaitu Indonesia serta Brunei. Berbanding dengan neorealisme yang mementingkan keuntungan relatif (*relative gains*) neoliberalisme lebih mementingkan keuntungan mutlak (*absolute gains*) daripada kerjasama antarabangsa yang dibentuk antara negara. Bagi sesebuah negara, kestabilan boleh dicapai apabila negara-negara yang bekerjasama menerima faedah yang seimbang. Dalam kajian ini dilihat bahawa cara Malaysia menangani isu pertikaian ini dilihat lebih dipengaruhi teori liberalisme. Hal ini kerana walaupun isu ini melibatkan negara sebagai aktor utama namun negara bukan satu aktor yang bersatu dalam membuat keputusan. Banyak aktor lain yang turut mempengaruhi pertimbangan Malaysia. Antaranya adalah keanggotaan Malaysia serta negara jirannya dalam ASEAN serta pengaruh rejim antarabangsa yang lain seperti undang-undang laut antarabangsa yang dibentuk PBB (UNCLOS). Walaupun penglibatan aktor-aktor ini secara tidak langsung namun Malaysia yang merupakan antara negara di Asia Tenggara dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa perlu turut mempertimbangkan faktor tersebut.





Selain itu, hubungan sosial yang rapat antara rakyat Malaysia dengan rakyat negara jiran dalam pelbagai tahap (pelajar, ahli perniagaan serta pelancong-pelancong) turut menyumbang kepada faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Malaysia dalam menyelesaikan pertikaian wilayah namun faktor yang paling utama adalah dari segi ekonomi dimana ketergantungan yang tinggi antara negara Malaysia dengan negara jirannya memerlukan kerjasama yang jitu bagi mengekalkan kemakmuran ekonomi. Untuk itu segala bentuk pertikaian perlu diselesaikan secara berhemah agar pihak yang terlibat tidak mengalami sebarang kerugian.

1.5.2 LIBERALISME DAN KEBERGANTUNGAN (*INTERDEPENDENCE*)

Dengan berakhirnya Perang Dingin pada awal tahun 1990-an, banyak pihak yang berpendapat bahawa bidang ekonomi akan menjadi isu utama dalam dunia politik. Jaringan kebergantungan ekonomi semakin kukuh akibat kemajuan sistem komunikasi dan pengangkutan yang mengakibatkan jarak bukan lagi penghalang kepada sesebuah negara untuk memajukan ekonomi mereka (Nye Jr., 2009: 202). Walaubagaimanapun, globalisasi telah mengakibatkan sempadan negara menjadi semakin poros. Ia disebabkan oleh peningkatan aliran barangan, manusia serta modal serta dibantu oleh peningkatan aktiviti perdagangan bebas serta pengurangan halangan-halangan dalam perdagangan. Keadaan ini mengakibatkan negara diancam oleh isu keselamatan tradisional dan bukan tradisional. Selain itu, kesan peningkatan konflik politik, ekonomi, ketenteraan, etnik mahupun agama bukan sahaja terhad kepada sesebuah negara sahaja tetapi boleh merebak ke kemana sahaja di seluruh dunia.

Negara juga berdepan dengan persaingan dan berusaha untuk bekerjasama dengan lebih erat bagi melindungi kepentingan masing-masing (Patricia, 2008: 13-14). Contohnya peningkatan integrasi ekonomi di Eropah adalah berdasarkan kepercayaan pemimpin mereka bahawa konflik antara negara boleh dikurangkan dengan wujudnya persamaan dari segi kepentingan dalam perdagangan serta kolaborasi ekonomi di





kalangan negara anggota (Burchill, 1996: 39). Dalam konteks ini dapat dilihat bahawa pemikiran golongan liberal telah menjadi semakin popular kerana negara saling bergantung (*interdependence*) bagi mengekalkan kelangsungan negara masing-masing.

Menurut Keohane dan Nye (1977), kebergantungan bermaksud saling bergantung antara negara akibat kewujudan pelbagai transaksi antarabangsa yang dibawa oleh para transnasionalis. Antara jenis transaksi tersebut adalah aliran keluar masuk duit, barangan, perkhidmatan, manusia serta komunikasi. Kebergantungan hadir apabila wujudnya keadaan kesan ‘timbal balik’ (walaupun tidak semestinya berbentuk simetrikal) antara negara atau di kalangan aktor di pelbagai negara (Viotti dan Kauppi, 2010: 130). Dalam erti kata lain, kebergantungan merujuk kepada situasi dimana aktor-aktor atau peristiwa-peristiwa dalam pelbagai bahagian sistem saling menerima kesan (Nye, 2009: 208).

Walaupun dalam sesetengah keadaan, kebergantungan tidak akan memberi kesan yang simetri terhadap semua pihak namun konsep yang dipopularkan oleh teori liberalisme ini mampu untuk menjelaskan situasi hubungan antara Malaysia dengan negara jirannya. Pada hari ini, isu kebergantungan ekonomi tidak boleh diketepikan dalam hubungan antarabangsa. Peranan pasaran dalam mengembangkan dan meningkatkan lagi sistem komunikasi serta pengangkutan serta perubahan sikap negara mengenai peranan mereka meningkatkan kebergantungan. Menurut Copeland (1996)³ beliau melihat kebergantungan ekonomi akan mengurangkan risiko perang melalui peningkatan nilai perdagangan kerana negara yang saling bergantung dilihat lebih memilih bekerjasama melalui perdagangan berbanding terlibat dengan peperangan. Untuk itu, konsep ini dilihat bersesuaian dalam menjelaskan hubungan Malaysia dengan negara jirannya, Brunei serta Indonesia yang terlibat dengan isu pertikaian wilayah yang panjang namun tidak terjebak ke arah peperangan.

³ D.C. Copeland, *Economic interdependence and war: A theory of trade expectations, international security*, (online) [http:// www.mtholyok.edu/acad/intrel/copeland.htm](http://www.mtholyok.edu/acad/intrel/copeland.htm). (21 April 2008).





1.5.3 KONSEP KERJASAMA

Selepas berakhirnya Perang Dingin, AS telah muncul sebagai kuasa unipolar yang mendominasi pelbagai isu hubungan antarabangsa seperti isu ekonomi, politik mahupun ketenteraan. Imbangan kuasa ke atas kekuasaan AS tidak lagi wujud sekaligus menyaksikan negara-negara kecil terpaksa mengikut telunjuk politik AS. Menyedari situasi ini tidak boleh dibiarkan berterusan, pemimpin-pemimpin negara di dunia ini baik daripada negara maju mahupun kecil mula mencari platform untuk menjalinkan kerjasama di antara satu sama lain. Selain daripada itu, sesebuah negara tidak berupaya lagi untuk mengamalkan sikap isolasi sebaliknya perlu saling bergantung (*interdependence*) dengan negara-negara lain. Untuk itu, kerjasama antarabangsa terutamanya antara negara-negara perlu dipertingkatkan bagi mengekang pengaruh globalisasi. Kebanyakan negara juga turut meningkatkan kerjasama dengan negara lain dalam pelbagai bidang terutamanya dalam ekonomi, politik mahupun keselamatan.

Berbeza dengan pandangan realis, golongan liberalis menekankan bahawa peperangan boleh dielakkan melalui pembentukan kerjasama. Untuk membentuk kerjasama setiap aktor yang terlibat perlu mengubah tingkah laku mereka ke atas aktor lain bagi memaksimumkan keuntungan. Hal ini kerana bagi setiap pihak yang terlibat dengan kerjasama mereka mementingkan keuntungan yang sama antara pihak yang terlibat. Kerjasama antarabangsa juga bukan selalunya bertujuan positif kerana terdapat dalam sesetengah kes negara berkerjasama bagi menakluk negara lain seperti yang dilakukan oleh Jerman dan *Soviet Union* ke atas Poland pada tahun 1939 (Viotti dan Kauppi, 2006: 197).

Bagi sarjana liberalis seperti Keohane dan Martin (1995: 41-43), kerjasama diantara negara-negara, baik dari segi bilateral mahupun multilateral, merupakan kunci utama ke arah kesejahteraan dan keamanan. Walaupun wujud persaingan diantara negara-negara, namun ianya merupakan persaingan yang sihat dan tidak semestinya menjuruskan kearah konflik dan peperangan. Multilateralisme menurut Ganesan dan Amer (2010: 314) ‘... is a





set of protocols demanding that states forego some of their own interests in order to achieve general organizing principles in relationship characterized by diffuse reciprocity...'. Bagi Keohane (2006: 731), multilateralisme adalah *'...the practice of coordinating national policies in groups of three or more states...'*.

Berbanding bilateralisme, multilateralisme dilihat lebih banyak memberi kelebihan kepada aktor yang lemah kerana ia menyediakan kerangka yang bersifat tidak diskriminasi, saling timbal balik serta *'self-restraint'* dimana kerangka bilateral tidak dapat menyediakan (Solingen, 2010: 7). Selain itu, multilateralisme sering dikaitkan dengan konsep kerjasama serantau yang turut dikenali sebagai regionalisme. Menurut Alagappa (1994) regionalisme boleh didefinisikan sebagai kerjasama yang berterusan, formal atau tidak formal, antara kerajaan, organisasi bukan kerajaan atau sektor swasta dalam tiga atau lebih negara yang terletak berhampiran untuk pertumbuhan (Rumley, 2005: 7).

Berbanding dengan multilateralisme, bilateralisme dilihat lebih sesuai dalam menjelaskan mengenai mekanisme yang digunakan oleh Malaysia dalam menyelesaikan pertikaian wilayah dengan negara jiran. Menurut Ruggie, bilateralisme adalah *'...is premised on specific reciprocity, by which means the simultaneous balancing of specific quid pro quos by each party with every other at all times (contrast to multilateralism's diffuse reciprocity)...*' (Solingen, 2010: 18). Menurut Weber, kerangka bilateralisme selalunya memberi kelebihan kepada kuasa besar kerana mereka boleh mengugut rakan sekutu mereka serta menuntut supaya diberikan terma tambahan daripada negara yang kurang berkuasa. Selain itu, menurut Dent, beliau berpendapat bahawa kerangka bilateral lebih mudah diuruskan berbanding multilateral selain kebanyakan negara bersetuju bahawa ia lebih sesuai dilaksanakan kerana negara mempunyai kelebihan untuk mendapatkan faedah yang baik melalui terma *'check and balance'* (Solingen, 2010: 18).





Dalam rantau Asia Tenggara kerangka bilateral dilihat lebih menyumbang dari segi pencegahan konflik serta pengurusan keselamatan. Hal ini kerana setiap negara mempunyai masalah sendiri dengan negara jiran yang seharusnya diselesaikan secara bilateral. Ia juga disebabkan usaha kerajaan anggota ASEAN untuk tidak membebankan lagi proses regionalisme dengan isu perbalahan bilateral yang mungkin memberi kesan negatif ke atas proses multilateralisme (Mohamed Jawhar, 1997: 112).

1.6 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai konflik dan pertikaian Malaysia dengan negara jiran; Indonesia dan Brunei, akan dibincangkan secara ringkas berdasarkan beberapa buku, bab dalam buku serta artikel dalam jurnal yang dipilih serta dibahagikan kepada dua tema utama. Tema pertama adalah bentuk-bentuk mekanisme penyelesaian konflik wilayah dan sempadan maritim di Asia Tenggara manakala tema kedua adalah bentuk-bentuk mekanisme penyelesaian konflik wilayah dan sempadan maritim yang digunakan Malaysia.



Tema pertama adalah mengenai mekanisme pertikaian wilayah atau sempadan maritim yang berlaku di Asia Tenggara dibincangkan oleh sarjana seperti Ganesan dan Ramses Amer (2010), Kamarulzaman Askandar (2005), Caballero-Anthony (1998), Ramses Amer (1998), Ramses Amer (2000), Swanström (1999), Redha @ Redo Abduh (2010), (Mak, 2008), Swanström (1999), (Ramses Amer dan Nguyen 2009), Kamarulzaman (2005). Ganesan dan Ramses Amer (2010), telah menjadikan beberapa kes empirikal di rantau Asia Tenggara sebagai panduan dalam memahami pembentukan corak interaksi antara negara dalam menyelesaikan isu-isu pertikaian. Melalui kes-kes empirikal ini, terdapat dua corak interaksi utama yang digunakan di Asia Tenggara iaitu melalui kerjasama bilateralisme dan juga multilateralisme. Berbanding dengan multilateralisme, bilateralisme merupakan mekanisme yang paling utama digunakan kerana mekanisme multilateralisme melalui ASEAN dilihat gagal dalam membantu menyelesaikan ketegangan hubungan antara negara Asia Tenggara.





Bagi Kamarulzaman (2005), negara dalam usaha mempertahankan kepentingan negara akan bersikap tegas namun dengan kewujudan pelbagai mekanisme penyelesaian konflik maka banyak alternatif dapat diaplikasikan. Proses penyelesaian secara bilateral, multilateral mahu pun dengan campur tangan pihak institusi antarabangsa memainkan peranan penting dalam menyediakan panduan. Antara faktor penting dalam mempengaruhi mekanisme penyelesaian adalah kepimpinan politik yang efektif, organisasi antarabangsa dan serantau, norma-norma antarabangsa mahupun perjanjian yang ditandatangani. Walaubagaimanapun bebanding mekanisme lain, rundingan secara bilateral merupakan mekanisme yang paling popular digunakan. Melalui rundingan ini, negara boleh melakukan proses tawar menawar atau pun rundingan bagi mendapatkan keputusan terbaik dalam menyelesaikan konflik.

Mekanisme yang digunakan oleh kebanyakan negara anggota ASEAN dalam menyelesaikan konflik adalah melalui mekanisme secara tidak formal iaitu seperti menggunakan elemen muafakat dan musyawarah dalam membuat keputusan berbanding mekanisme secara formal dimana penyediaan kerangka penyelesaian konflik dilaksanakan ASEAN (Caballero-Anthony, 1998 dan Ramses Amer, 1998). Mekanisme secara formal ini dilihat mempunyai banyak kelemahan terutamanya dari segi limitasi fungsi AHC serta perjanjian-perjanjian yang ditandatangani negara anggota. Melalui mekanisme secara tidak formal keputusan yang dicapai dalam menyelesaikan sebarang konflik mahu pun pertikaian adalah melalui proses konsultasi serta perbincangan. Ia disebabkan oleh mekanisme ini menyediakan jalan kepada negara kecil untuk menyatakan pendirian mereka tanpa didominasi pendapat majoriti negara.

Ia turut dipersetujui oleh Redha @ Redo Abduh (2010) yang melihat bahawa walaupun ASEAN berjaya menyelesaikan pertikaian sesama mereka melalui '*conflict avoidance and management*' namun rasa saling tidak percaya, kewujudan konflik serta pertelingkahan antara negara ASEAN serta perbezaan perspektif strategik memberi kesan kepada hubungan negara anggota. Justeru itu, kerjasama keselamatan ASEAN tidak lagi bersifat serantau tetapi lebih kepada kerjasama keselamatan antara negara yang berdepan





dengan cabaran keselamatan yang sama secara bilateral atau trilateral sahaja. Konsep 'ASEAN Way' juga gagal dalam membantu menyelesaikan konflik antara negara ASEAN (Mak, 2008).

Terdapat juga sarjana yang menjadikan konflik di Asia Tenggara sebagai kajian kes. Antaranya Swanström (1999) yang membuat kesimpulan bahawa segala pengurusan konflik yang berlaku di Laut China Selatan adalah bersifat informal terutamanya yang melibatkan konflik Kepulauan Spratly. Walaupun konflik ini sepatutnya diselesaikan secara multilateral (wujud banyak negara yang terlibat) namun rundingan secara bilateral dilihat lebih penting bagi meningkatkan keyakinan antara aktor terbabit. Ramses Amer dan Nguyen (2009) menjadikan konflik yang terjadi di negara Indo-China sebagai kajian kes. Konflik-konflik yang terjadi di negara-negara tersebut diselesaikan secara perbincangan formal dan rundingan bilateral sekaligus telah meredakan ketegangan hubungan antara negara tersebut akibat konflik terjadi berbanding dengan menggunakan pendekatan kerangka ASEAN



Tema kedua adalah mekanisme penyelesaian konflik wilayah dan sempadan maritim yang digunakan Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Asri Salleh, Che Hamdan serta Kamaruzaman (2009) memfokuskan kepada dasar luar Malaysia terhadap penyelesaian isu tuntutan bertindih. Berdasarkan kajian ini didapati bahawa Malaysia merupakan antara negara ASEAN yang pernah serta sedang berdepan dengan beberapa isu tuntutan bertindih. Antaranya adalah Sipadan-Ligitan, Batu Puteh, Limbang serta Kepulauan Spratly. Setakat ini, dua daripada isu tersebut iaitu isu Sipadan-Ligitan serta Batu Puteh telah diselesaikan melalui ICJ. Pertikaian yang lain masih kekal belum diselesaikan dengan negara yang menuntut seperti perebutan Kepulauan Spratly serta Limbang. Kajian ini mendapati bahawa dalam menyelesaikan isu tuntutan ini, Malaysia telah menggunakan pendekatan yang pragmatik iaitu menggunakan penyelesaian yang pelbagai sama ada secara unilateral, bilateral atau multilateral dalam menegakkan kedaulatan wilayah yang dituntut.





Karya Mark J.Valencia (1991) telah memfokuskan dengan lebih terperinci ke atas isu yang boleh menimbulkan perbalahan dengan negara lain akibat peluasan kawasan yuridiksi-pertindihan sempadan dan pertikaian wilayah. Beliau telah menjelaskan mengenai isu-isu pertikaian wilayah yang melibatkan Malaysia bermula dengan isu Pulau Batu Puteh serta di kawasan selatan Singapura, pertikaian dengan Vietnam serta Filipina di kawasan Timur Semenanjung Malaysia, di kawasan utara Tanjong Datu, Indonesia, kawasan pesisir laut Brunei, Kepulauan Spratly serta pertikaian dengan Indonesia serta Filipina di kawasan Laut Sulawesi.

Selain itu, karya Throst (1998) yang turut memperincikan mengenai isu pertikaian wilayah yang dialami oleh Malaysia. Dalam buku ini, ia lebih membincangkan dari segi perspektif perundangan antarabangsa ke atas wilayah dan sempadan maritim Malaysia yang dipertikaikan oleh negara jiran iaitu tuntutan wilayah Sabah oleh Filipina, Limbang dan Terumbu Semarang Kecil oleh Brunei, Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, Pulau Batu Puteh/Pedra Branca dan Kepulauan Spratly. Throst (1994) juga menjelaskan dengan lebih terperinci pertikaian-pertikaian wilayah yang melibatkan Malaysia dengan Brunei. Melalui karya beliau, banyak aspek terutamanya dari segi latar belakang konflik serta undang-undang antarabangsa yang menjelaskan mengenai asas-asas tuntutan negara terlibat dihuraikan dengan teliti. Melalui karya beliau, pertikaian yang jarang dijadikan subjek utama dalam karya-karya sarjana-sarjana semasa dijadikan panduan menyeluruh untuk memahami pertikaian ini.

Hamzah Sulaiman (2005) telah memperjelaskan lagi mengenai isu pertikaian Limbang dalam bab yang bertajuk '*Brunei Darussalam-Malaysia territorial dispute: Limbang as a case study*'. Karya beliau ini menyentuh mengenai latar belakang permulaan perebutan Limbang disamping mekanisme yang digunakan oleh kedua belah pihak dalam menyelesaikan pertikaian serta menganalisis faktor yang mengakibatkan mengapa konflik ini tidak merebak menjadi konflik bersenjata.





Menurut Wan Shawaluddin serta Ramli Dollah (2010) mereka melihat bahawa isu Ambalat ini dipengaruhi oleh faktor dalaman yang melanda Indonesia seperti isu kekalahan Indonesia ke atas perebutan Pulau Sipadan dan Ligitan serta kehilangan wilayah Timor-Timor (sekarang dikenali sebagai Timor Leste) serta isu kelembapan ekonomi Indonesia sebagai faktor utama yang menjadi pegangan rejim Indonesia dalam menyelesaikan pertikaian ini. Selain itu, hubungan baik antara pemimpin Malaysia-Indonesia juga merupakan antara faktor yang mempengaruhi segala mekanisme penyelesaian ini. Walaubagaimanapun karya ini lebih memfokuskan kepada kes di Ambalat sedangkan apa yang pertikaian sempadan tersebut adalah meliputi sempadan Laut Sulawesi.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini pada asasnya adalah bersifat kualitatif iaitu kombinasi sumber yang berbentuk primer dan sekunder. Sumber primer digunakan sebagai sumber utama sebagai panduan terhadap kajian ini dimana sumber ini diperolehi melalui temubual yang diadakan. Temubual dijalankan ke atas tiga jabatan kerajaan utama yang terlibat secara langsung dengan isu pertikaian wilayah antara Malaysia dengan Indonesia serta Brunei. Ketiga-tiga jabatan kerajaan terbabit ialah Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara serta Kementerian Luar Negeri. Pegawai-pegawai kerajaan ini; Alfian Yang Amri dan Dato' Laksamana Fadzilah (Jabatan Peguam Negara), Abdul Rahim Husin (Majlis Keselamatan Negara) serta Dr Azfar Muhamad Mustafar (Kementerian Luar Negeri), merupakan individu-individu yang terlibat secara langsung dalam rundingan penyelesaian pertikaian wilayah antara Malaysia dengan negara jiran; Indonesia serta Brunei. Maka pemilihan mereka ini amat bertepatan bagi mendapatkan pandangan secara langsung ke atas situasi pertikaian yang dipilih dalam kajian ini. Untuk itu, soalan-soalan temubual adalah dengan menggunakan kerangka teori dan konsep yang dibincangkan.

Sumber kedua pula diperolehi melalui sumber terbuka seperti kertas-kertas kajian, laporan dan artikel akhbar, info-info daripada internet, buku-buku serta jurnal artikel.





Antara jurnal yang digunkana adalah *Contemporary Southeast Asia*, *Harvard Asia Quaterly* serta *International Security*. Dalam kes pertikaian wilayah di Laut Sulawesi serta yang melibatkan Limbang, sumber daripada internet digunakan secara intensif bagi membantu pemahaman mengenai sejarrah awal pertikaian serta pandangan rakyat negara jiran. Buku-buku serta jurnal pula digunakan bagi memahami peranan pemimpin negara dalam membantu perkembangan hubungan bilateral antara negara-negara yang terlibat. Walaubagaimanapun, sebagai pengkaji, buku khusus menjelaskan mengenai isu pertikaian di Laut Sulawesi serta di Limbang tidak ditemui mengakibatkan buku-buku serta artikel mengenai pertikaian sempadan maritim di Asia Tenggara serta di Asia Pasifik digunakan untuk memperoleh maklumat. Selain itu, buku-buku yang berkaitan dengan teori hubungan antarabangsa juga digunakan bagi mengaplikasikan teori serta konsep sepanjang kajian dijalankan. Pengumpulan sumber sekunder dibuat di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institusi Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), serta Pusat Sumber Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi.

1.8 SKOP KAJIAN



Kajian ini memfokuskan kepada dua isu pertikaian wilayah yang sedang dan pernah dialami oleh Malaysia untuk dijadikan sebagai kajian kes. Tuntutan bertindih yang dipilih adalah pertikaian wilayah di Laut Sulawesi yang membabitkan Malaysia dengan Indonesia manakala pertikaian wilayah di Limbang iaitu antara Malaysia dengan Brunei. Selain daripada itu, dari segi tempoh masa kajian ini bermula sejak pengisytiharan Peta Baru Malaysia pada tahun 1979 sehingga pada September 2011.

1.9 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini penting dilaksanakan untuk membantu menyumbang bagi memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai hubungan antarabangsa terutamanya yang melibatkan hubungan antara negara membangun yang berjiran. Ia bertujuan untuk membantu negara membangun seperti Malaysia dalam pemilihan mekanisme yang sesuai





bagi mengelakkan ketegangan konflik daripada meningkat apabila wujud isu pertikaian dengan negara jiran. Kajian ini juga bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai pelbagai peranan serta pengaruh entiti sama ada di peringkat domestik mahu pun luaran dalam mempengaruhi keputusan kerajaan. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada negara membangun yang berjiran untuk berusaha menegakkan pelbagai perbezaan polisi bagi meningkatkan kerjasama akibat pengaruh globalisasi yang telah mengakibatkan keterkaitan (*interconnectedness*) serta kebergantungan (*interdependence*).

2.0 LIMITASI KAJIAN

Melalui temubual yang dijalankan terdapat maklumat yang tidak diperoleh pengkaji kerana pegawai-pegawai kerajaan terikat dengan Akta Rahsia Kerajaan. Kajian ini juga terhad dari segi hanya menjelaskan mengenai perspektif Malaysia sahaja dan tidak perspektif negara jiran akibat kekangan masa. Selain daripada itu, sumber sekunder bagi kedua-dua pertikaian ini juga terhad. Contohnya dalam isu pertikaian di Laut Sulawesi, kebanyakan sumber lebih banyak ditulis oleh para sarjana luar Malaysia manakala bagi isu di Limbang, sumber rujukan adalah terhad kerana isu ini dilihat banyak dibincangkan secara tertutup oleh kedua-dua negara. Walaubagaimanapun melalui pelbagai sumber sekunder lain seperti buku, jurnal serta melalui sumber internet serta melalui temubual iaitu sumber primer, ia dipercayai dapat melengkapkan kajian ini.

2.1 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini merangkumi lima bab. Bab Pertama membincangkan mengenai pengenalan tajuk kajian ini. Ia meliputi mengandungi pengenalan, permasalahan kajian, hipotesis, objektif, kerangka teori dan konsep, ulasan kajian lepas, metodologi kajian, signifikasi kajian, skop kajian dan batasan kajian. Bab Kedua akan membincangkan mengenai pengisytiharan Peta Baru Malaysia pada tahun 1979 selain daripada perbincangan mengenai pertikaian wilayah dan sempadan maritim Malaysia dengan negara-negara jiran serta mekanisme yang digunakan. Bab Ketiga akan menjelaskan serta menganalisa





mengenai isu pertikaian wilayah antara Malaysia dengan negara jiran, Indonesia mengenai Laut Sulawesi. Dalam bab ini, kajian akan menumpukan kepada latar belakang konflik serta mekanisme yang digunakan disamping faktor-faktor yang mempengaruhi mekanisme tersebut. Bab Keempat pula, kajian akan menjadikan isu Limbang iaitu pertikaian melibatkan Malaysia dengan Brunei sebagai kajian kes dimana analisa ke atas latar belakang konflik, pemilihan mekanisme serta faktor-faktor yang mempengaruhinya akan dilaksanakan. dalam bab terakhir, Bab Kelima akan membuat kesimpulan daripada hasil kajian ini.

